

UM 24.06.08 M/S 8

3,095 jawatan guru sandaran diisi untuk SJKC

KUALA LUMPUR 23 Jun – Sebanyak 3,095 jawatan guru sandaran tidak terlatih (GSTT) bagi Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) diluluskan oleh Kementerian Pelajaran untuk diisi pada tahun ini.

Menterinya, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein memberitahu, kementerian meluluskan perjawatan itu berdasarkan kekosongan di setiap negeri mengikut unjuran sehingga 31 Januari tahun ini.

“Kementerian akan memastikan dalam jangka masa pendek dan panjang lebih ramai calon daripada kaum bukan bumiputera memohon

untuk memasuki institusi pendidikan perguruan (IPG) bagi memastikan kekosongan di SJKC dapat dipenuhi.

“Buat masa ini, langkah kementerian untuk memenuhi kekosongan di SJKC ialah dengan melantik GSTT untuk berkhidmat di sekolah-sekolah terbabit,” katanya pada persidangan Dewan Rakyat hari ini.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan tambahan **Tan Seng Giaw (DAP-Kepong)** yang ingin tahu adakah pengambilan pelatih guru di IPG dibuat melalui merit.

Hishammuddin memberitahu, ba-

gi pengambilan pelatih-pelatih guru di IPG, kementerian telah menerima permohonan 79,973 orang dari kaum Melayu, Cina (7,288) dan India (4,674).

Katanya, pemilihan pemohon untuk menjalani kursus Diploma Pendidikan di IPG dibuat mengikut kelayakan yang telah ditetapkan oleh kementerian.

Menjawab soalan **Datuk Seri Tiong King Sing (BN-Bintulu)** yang ingin tahu usaha kementerian memastikan kualiti latihan perguruan di negara ini, Hishammuddin menegaskan, teras kelima Pelan Induk Pem-

angunan Pendidikan (PIPP) merupakan usaha untuk memartabatkan profesion perguruan.

“Kementerian akan memastikan bahawa IPG bertaraf antarabangsa, satu rang undang-undang untuk memperkukuhkan kurikulum, perjawatan dan juga pendekatan baru IPG akan dibentangkan pada sesi Parlimen kali ini,” katanya.

Jelas beliau, penekanan kementerian untuk meningkatkan kemahiran guru ialah dengan mendedahkan ke peringkat antarabangsa agar mereka mempunyai kemahiran serta kepakaran yang terkini.



HISHAMMUDDIN TUN HUSSEIN